



# SIARAN MEDIA

## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA JOHOR



UNTUK SIARAN SEGERA

30 APRIL 2023 (AHAD)

BILANGAN 4/2023 (JOHOR)

### MAKLUMBALAS MENGENAI VIDEO TULAR YANG DITUJUKAN KEPADA PEGAWAI KASTAM DI KOMPLEKS SULTAN ABU BAKAR, GELANG PATAH, JOHOR

1. Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) merupakan pintu masuk sempadan *Second Link* Malaysia – Singapura dan KSAB mempunyai dua (2) Bus Terminal Import bagi penumpang yang menggunakan bas.
2. Merujuk kepada satu video tular melalui sebuah aplikasi perkongsian video yang ditujukan kepada Pegawai Kastam di Kompleks Sultan Abu Bakar Gelang Patah, kejadian telah berlaku di Bus Terminal Import, KSAB.
3. Siasatan telah dijalankan, dan video yang tular sebenarnya merujuk kepada kaunter Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi tujuan pemeriksaan passport **sebelum** ke kawasan pemeriksaan barang Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
4. Tiada masalah dan aduan yang diterima oleh pegawai JKDM di kawasan pemeriksaan Kastam, KSAB pada malam 28 April 2023 (Jumaat), iaitu masa dan tarikh video tersebut dimuat naik.
5. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merupakan dua organisasi signifikan khususnya dalam mengawasi pintu keluar dan masuk negara, namun peranan utama dan tugas kedua-dua agensi penguatkuasaan ini adalah berbeza.



korporatjohor@customs.gov.my



www.customs.gov.my



07-2076000 (EXT.1905)



JKDM JOHOR

6. JKDM berfungsi mengutip hasil negara, memberikan fasilitasi perdagangan dan mengawal sempadan melalui integrasi masyarakat dan teknologi, manakala JIM berperanan mengeluarkan Pasport / Dokumen Perjalanan / Visa / Pas / Permit, mengawal selia pergerakan keluar masuk orang di pintu-pintu masuk yang diwartakan dan menguatkuasakan akta dan perundangan yang berkaitan.
7. JKDM sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan berintegriti kepada masyarakat dan pemegang taruh. Sehubungan dengan itu, orang awam dinasihatkan untuk berhati-hati dalam membuat sebarang kenyataan di media sosial. Layari laman sesawang [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my) bagi maklumat terkini berkaitan JKDM.

Sekian, terima kasih.

**MISBAHUDIN BIN PARMIN**  
PENGARAH KASTAM NEGERI JOHOR

30 April 2023

